



22 November 2016
SIARAN MEDIA

KONVENSYEN KOPERASI KARIAH MASJID PERINGKAT KEBANGSAAN 2016

Kelana Jaya, 22 November 2016 - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) pada hari ini telah menganjurkan Konvensyen Koperasi Kariah Masjid Peringkat Kebangsaan 2016 di Auditorium ANGKASA, Wisma Ungku A. Aziz, Kelana Jaya. Konvensyen yang berlangsung selama dua hari disempurnakan perasmianya oleh **Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah** dan turut dihadiri oleh **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB. Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi Bin Dato' Dusuki** dan **Presiden ANGKASA, YBhg. Dato' Hj. Abdul Fattah Hj Abdullah.**

ANGKASA menganjurkan konvensyen ini sebagai salah satu usaha menyebarkan maklumat mengenai gerakan koperasi dan membantu meluaskan jaringan perniagaan antara Koperasi Kariah Masjid. Ini selaras dengan hasrat ANGKASA untuk merangsang dan meningkatkan perolehan Koperasi Kariah Masjid. Konvensyen yang dianjurkan buat kali ketiga ini disertai oleh seramai 300 koperator dari seluruh negara serta turut melibatkan peserta dari Aceh dan Kemboja.

Sehubungan itu Sektor Pembangunan Komuniti merupakan salah satu sektor yang ditubuhkan oleh ANGKASA untuk menjadi peneraju menggerakkan warga koperasi melalui penubuhan Koperasi Kariah Masjid. Ahli - ahli Jawatankuasa masjid diberi penerangan oleh ANGKASA mengenai aktiviti Koperasi Kariah Masjid melalui bengkel – bengkel dan kursus- kursus yang dijalankan secara berkala dan membantu menubuhkan Koperasi Kariah Masjid.

Sehingga kini bilangan masjid dan surau yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sehingga kini adalah sebanyak 6,392 buah masjid dan 17,708 surau. Adalah menjadi harapan ANGKASA agar masjid-masjid dan surau-sarau ini dapat mendaftar dan menubuhkan Koperasi Kariah Masjid. Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 347 koperasi kariah masjid telah didaftarkan, dengan keanggotaan seramai 23,171 anggota. Jumlah syer /yuran anggota Koperasi Kariah Masjid ialah sebanyak RM 4,144,575.00 dengan asset sebanyak RM 10,535,530 dan perolehan sebanyak RM 7,963,333.00.

(Sumber : Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

Majlis penyerahan Infaq-Lil Waqf Angkasa kepada wakil koperasi yang telah mendapat sumbangan berupa mesin dialisis hasil turut diadakan pada Majlis Perasmian Konvensyen. Sumbangan ini merupakan hasil kutipan waqaf yang diuruskan oleh Bahagian Perkhidmatan Syariah dan Pembangunan Angkasa. Sebanyak 18 buah mesin dialisis berjumlah RM790,800.00 telah disumbangkan kepada koperasi dan hospital terpilih sepanjang tahun 2015/2016. Antaranya ialah :-

1. Koperasi Qaryah Masjid Taman Bertam Indah Kepala Batas Berhad
2. Koperasi Memajukan Iktisad Keluarga dan Pekerja Sinar Berhad,
3. Koperasi Pekebun Kecil Wilayah Johor Selatan Berhad (KOPRIS)
- 4.. Koperasi Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak Berhad
5. Klinik Wakaf An Nur Ijok & Klinik Wakaf An Nur Bandar Suleiman Klang
6. Yayasan Buah Pinggang-Nanyang, Setapak

7. Hospital Sultan Ismail, Johor
8. Hospital Changkat Melintang, Perak
9. Hospital Alor Setar (lama)

ANGKASA berharap dengan penganjuran konvnesyen kali ini, jumlah Koperasi Kariah Masjid dapat dipertingkatkan dan pihak-pihak berwajib dapat membantu memperkasakan ekonomi warga Koperasi Kariah Masjid sekaligus menyumbang kepada perolehan Gerakan Koperasi Negara.

MENGENAI ANGKASA

ANGKASA adalah koperasi Apeks yang diiktiraf oleh kerajaan sebagai Badan Puncak Gerakan Koperasi Malaysia. Selain daripada menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, kesatuan dan syarikat GLC, ANGKASA turut melaksanakan program transformasi koperasi melalui penyertaan projek ekonomi berimpak tinggi.

Sehingga 30 Jun 2016, ANGKASA menaungi kira-kira 13,247 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira – kira 7 juta orang. Sehingga 30 Jun 2016 jumlah syer / yuran anggota adalah sebanyak RM 13.95 billion, jumlah asset RM 125.49 billion dan perolehan sebanyak RM 20 billion (sasaran 2020, RM50 billion).
(Sumber : Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

ANGKASA telah mendapat persijilan system pengurusan kualiti (ISO 9001:2008) dan system pengurusan keselamatan maklumat (ISO 27001:2013) yang diaudit setiap tahun oleh SIRIM QAS International.

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat ANGKASA
Tel : 03-7884 6493
Faks: 03-7884 6489